

# 3.1 juta murid gagal kuasai kemahiran 3M?

u.m 11/12/07 MB 7

**KUALA LUMPUR** 10 Dis. – Seorang ahli Parlimen Barisan Nasional (BN) mendakwa sebanyak 3.1 juta murid di negara ini masih belum dapat menguasai sepenuhnya kemahiran membaca, menulis dan mengira (3M).

**Fadillah Yusof (BN-Petra Jaya)** berkata, murid-murid yang menghidap disleksia tidak dapat menguasai kemahiran membaca kerana mereka melihat abjad secara terbalik.

“Dalam hal ini, adakah kementerian mempunyai pakar untuk mengatasi masalah ini. Adakah kementerian juga mempunyai guru-guru yang berupaya mengenal pasti murid-murid yang menghadapi masalah disleksia.

“Adakah kementerian akan mengkhususkan golongan ini dalam program kesenian supaya mereka mahir dalam bidang muzik,” katanya.

Fadillah berkata demikian ketika mengemukakan soalan tambahan kepada Kementerian Pelajaran pada

**Murid-murid yang menghidap disleksia tidak dapat menguasai kemahiran membaca kerana mereka melihat abjad secara terbalik**

sesi soal jawab sidang Dewan Rakyat hari ini.

Menjawab soalan itu, Timbalan Menteri Pelajaran, **Datuk Noh Omar** berkata, pihaknya sedar masih terdapat sebilangan kecil murid-murid sekolah rendah dan pelajar sekolah menengah tidak dapat menguasai kemahiran 3M.

Kata beliau, kementerian telah mengambil langkah untuk mengatasi masalah tersebut dengan melaksanakan Program Bimbingan Kemahiran Asas Membaca dan Menulis (Probim).

Beliau berkata, Probim telah dijalankan secara rintis di 32 buah sekolah menengah seluruh negara yang

melibatkan murid kelas peralihan hingga ke Tingkatan 5.

“Program ini akan diperluaskan ke seluruh sekolah menengah setelah pihak kementerian mengetahui keberkesannya,” ujarinya.

Menurut Noh, bagi mengatasi masalah pelajar di peringkat menengah yang lemah dalam bidang akademik, kementerian telah melaksanakan sebanyak 22 mata pelajaran vokasional di sekolah menengah.

“Melalui mata pelajaran vokasional ini, para pelajar dapat mempelajari kemahiran teknikal supaya mereka dapat berdikari atau memulakan perniagaan,” katanya.

**FADILLAH YUSOF**  
Ahli Parlimen Petra Jaya



**FADILLAH YUSOF**